

## PERMULAAN TINDAKAN MAHKAMAH DI MALAYSIA OLEH WASI DAN PENTADBIR PUSAKA DAN TERHADAP MEREKA\*

Permulaan tindakan mahkamah di Malaysia oleh wasi dan pentadbir pusaka dan terhadap mereka adalah tertakluk kepada beberapa peruntukan dan kaedah khas yang tidak berbangkit dalam suatu tindakan biasa. Dari beberapa keputusan mahkamah nyatalah bahawa seorang peguam boleh menyebabkan kerugian yang tidak boleh dibaiki kepada tuntutan anak guamannya jika peguam itu tidak memahami dan mematuhi kaedah-kaedah itu. Dalam rencana ringkas ini penulis akan cuba menyentuh beberapa prinsip utama di Malaysia mengenai tajuk ini.

### 1. Wasi dan pentadbir pusaka

Dalam rencana ini istilah "wasi" merujuk kepada wasi ("executor") yang dinamakan dalam suatu wasiat sah. Perkataan "pentadbir pusaka" merujuk kepada pentadbir ("administrator") suatu pusaka yang tidak berwasiat atau pentadbir suatu pusaka yang mempunyai wasiat tetapi tidak mempunyai wasi. Seorang wasi memperolehi kuasanya dari wasiat simati.<sup>1</sup> Dengan mendapat geran probet dari mahkamah ia membuktikan wasiat simati dan kuasanya. Sebaliknya seorang pentadbir pusaka memperolehi semua kuasanya dari geran mahkamah,<sup>2</sup> iaitu melalui surat kuasa biasa atau surat kuasa khas seperti surat kuasa De Bonis Non.

\*Penulis ingin merekodkan terima kasihnya kepada Profesor Madya Datuk Nik Abdul Rashid, Profesor Madya Wan Arfah Hamzah dan Encik Talat Mahmood bin Abdul Rashid di atas segala nasihat dan bantuan mereka dalam penulisan makalah ini.

<sup>1</sup>*Meyappa Chetty v Supramaniam Chetty* [1916] 1 A.C. 603

<sup>2</sup>*Ibid*

## 2. Keberterusan tindakan

Rencana ini dimulakan dengan rujukan kepada kesan kematian seorang simati terhadap (a) alasan tindakan ("cause of action") terhadap orang lain yang sudah terletakhak padanya sebelum ia meninggal dunia dan (b) alasan tindakan terhadapnya yang sudah terletakhak pada orang lain sebelum kematiannya. Prinsip am yang wujud pada hari ini ialah kematian seorang tidak mempunyai kesan ke atas kedua-dua jenis alasan tindakan yang tersebut di atas dan alasan-alasan tindakan itu tidak luput dengan kematian simati. Seksyen 8(1) Civil Law Act 1956 (Act 67)<sup>3</sup> yang menyatakan prinsip am ini mengecualikan empat jenis alasan tindakan, iaitu alasan tindakan bagi fitnah, penggodaan ("seduction"), mendorong seorang suami atau isteri untuk meninggalkan salah seorang daripadanya dan ganti-rugi bagi perbuatan zina. Alasan-alasan tindakan yang berdasarkan kepada keempat-empat perkara itu tidak boleh diteruskan bagi faedah, atau bagi menentang, pusaka seorang simati dan oleh itu seorang wasi atau pentadbir pusaka tidak boleh mendakwa atau didakwa mengenainya. Pengecualian ini hanya boleh difahami dengan membuat rujukan kepada undang-undang Inggeris. Seksyen 8(1) dipinjam dari perundangan Inggeris, iaitu seksyen 1(1) Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1934 dan dibawa masuk ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu (F.M.S) pada tahun 1937<sup>4</sup> dan ke Negeri-negeri Selat pada tahun 1940.<sup>5</sup> Seksyen ini digubal di England pada tahun 1934 untuk menghapuskan kaedah *actio personalis moritum cum persona*.<sup>6</sup> Mengikut prinsip itu alasan tindakan dalam tort tamat<sup>7</sup> dengan kematian pelaku tort atau mangsanya. Seorang wasi atau pentadbir pusaka tidak boleh mendakwa atau didakwa berkenaan satu tort yang dilakukan terhadap atau oleh seorang simati. Kaedah yang tidak adil ini telah menjadi sebahagian undang-undang Inggeris sehingga tahun

<sup>3</sup> Jika satu statut tidak ada versi Bahasa Malaysia, maka nama Inggeris digunakan dalam rencana ini untuk mengelakkan kekeliruan.

<sup>4</sup> Melalui seksyen 4(iii)(b) Civil Law Enactment 1937. Rujuk kes *In re Estate of John Walker, Deceased* [1953] 19 M.L.J 71

<sup>5</sup> Melalui seksyen 7 Civil Law Ordinance (S.S. Cap. 42)

<sup>6</sup> "Suatu tindakan *in personam* tamat dengan kematian pihak-pihak dalam tindakan itu"

<sup>7</sup> Tertakluk kepada kekecualian tertentu. Sila rujuk kepada edisi ke 8 *Clerk & Lindsell on Torts* ms 45-47, 50-51

1934. Ketidakadilan prinsip ini telah menjadi ketara dengan perkembangan motokar sebagai alat pengangkutan pada awal kurun ini. Kematian akibat kemalangan jalanraya semakin hari semakin bertambah. Kadangkala prinsip *actio personalis* itu telah menafikan pampasan kepada mangsa-mangsa kemalangan jalanraya. Umpamanya seorang yang tercedera tidak ada pemulihan jika pelaku tort meninggal dunia dalam atau sesudah kemalangan itu. Hasil dari satu cadangan oleh Jawatankuasa Penyemak Undang-Undang ("Law Revision Committee") di England pada tahun 1934<sup>8</sup> prinsip ini dimansuhkan oleh seksyen 1(1) Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1934.<sup>9</sup> Diatas cadangan Jawatankuasa itu, fitnah, penggodaan, mendorong suami/isteri untuk meninggalkan salah seorang daripadanya dan ganti-rugi bagi perzinaan telah dibuat sebagai pengecualian. Jawatankuasa tersebut telah membuat cadangan itu kerana ia berpendapat bahawa "kewujudan plaintif dan defendan adalah amat penting" bagi alasan-alasan tindakan tersebut. Pada pendapat penulis tidak ada sebab yang menyakinkan untuk mewujudkan pengecualian ini. Umpamanya, fitnah terhadap seorang simati boleh membangkitkan kerugian dan kerosakan besar kepada pusaka simati itu dan waris-warisnya. Pengecualian ini wujud dalam undang-undang Malaysia semata-mata kerana perhubungannya dengan Undang-Undang Inggeris dimasa lampau dan adalah dicadangkan supaya ianya dimansuhkan.

Sebagai tambahan kepada keempat-empat pengecualian yang tersebut di atas yang diwujudkan oleh Civil Law Act 1956 kepada prinsip penerusan alasan tindakan setelah kematian seorang, wujud juga kecualian di bawah Common Law.<sup>10</sup> Contohnya di bawah Common Law kontrak-kontrak yang memerlukan perkhidmatan diri sendiri akan tamat dengan kematian pembuat janji. Dengan ini bermakna bahawa suatu kontrak oleh A untuk melukis sekeping gambar potret akan luput jika A meninggal dunia.

<sup>8</sup>Cmd. 4540.

<sup>9</sup>Untuk satu perbincangan yang menarik mengenai asal usul Akta ini sila rujuk kepada (1961) 24 M.L.R. 18 (Hutton).

<sup>10</sup>Untuk perbincangan lanjut mengenai perkara ini sila rujuk kepada Williams, Mortimer & Sunnucks, *Executors, Administrators and Probate* (Edisi ke 16) Bab 42

### 3. Tempoh batasan

Pada amnya suatu tuntutan oleh wasi dan pentadbir pusaka dan terhadap mereka adalah dikuasai oleh Limitation Act 1953 (Act 254)<sup>11</sup> dan perundangan lain yang menetapkan tempoh-tempoh batasan. Oleh itu biasanya tempoh batasan yang berkuatkuasa bagi faedah atau terhadap wasi dan pentadbir pusaka adalah sama seperti tempoh yang berkuatkuasa terhadap seorang individu biasa. Namun begitu, wujud beberapa pengecualian penting dan ini perlu diperhatikan.

#### (a) Tempoh antara kematian dan geran mahkamah

Bagi alasan tindakan yang sudah pun terletak hak bagi faedah atau terhadap simati *sebelum* ia meninggal dunia, maka kematiannya tidak memberhentikan tempoh yang sudah mula berjalan bagi kiraan batasan.<sup>11a</sup> Tempoh yang sudah mula berjalan pada masa hayatnya akan terus berjalan sehingga tamat. Adalah penting untuk memperhatikan bahawa prinsip ini dipakai bagi pusaka yang mempunyai wasi dan pusaka yang tidak mempunyai wasi.

Sebaliknya, jika alasan tindakan terletak hak pada simati *pada masa*<sup>11b</sup> kematiannya atau pada pusakanya sesudah kematiannya, maka kedudukan undang-undang adalah berbeza antara wasi dan pentadbir pusaka.<sup>11c</sup> Perbezaan ini telah diterangkan dalam kes utama mengenai perkara ini, iaitu, *Meyappa Chetty v S.N. Supramaniam Chetty*,<sup>12</sup> satu rayuan dari Negeri-negeri Selat kepada Majlis Privy. Jika suatu pusaka mempunyai wasi maka kiraan tempoh bagi tujuan batasan, berkenaan alasan tindakan yang berbangkit bagi faedah pusaka simati pada atau sesudah kematiannya, akan bermula dengan serta merta. Dalam keadaan ini samada wasi

<sup>11</sup>Akta ini tidak berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak (lihat seksyen 1(2)). Statut utama mengenai tempoh batasan di Sarawak ialah Limitation Ordinance (Cap. 49)(Reprint 1965). Bagi Sabah statut utama ialah Limitation Ordinance (Cap. 72)(Reprint 1966). Dalam rencana ini semua rujukan mengenai tempoh batasan adalah kepada Limitation Act 1953, melainkan disebut dengan nyata.

<sup>11a</sup>Sila rujuk kepada Williams, Mortimer and Sunnucks, *Executors, Administrators and Probate* (Edisi ke-16), Bab 67

<sup>11b</sup>Lihat ucapan Lord Parker dalam kes *Meyappa Chetty v Subramaniam Chetty* [1916] 1 A.C. 603, 610

<sup>11c</sup>Tertakluk kepada seksyen 19, Limitation Act 1953 (Act 254)

<sup>12</sup>[1916] 1 A.C. 603

itu sudah memperolehi probet atau tidak adalah tidak diambil kira.<sup>13</sup> Jika pusaka itu tidak mempunyai wasi, maka tempoh batasan bagi alasan tersebut tidak akan bermula sehingga pentadbirnya memperolehi surat kuasa.<sup>13a</sup> Prinsip yang diterangkan dalam kes *Meyappa Chetty* ini berdasarkan kepada fakta bahawa seorang wasi boleh memulakan tindakan mahkamah sungguhpun ia belum memperolehi geran probet.<sup>14</sup> Sebaliknya suatu pusaka yang tidak ada wasi tidak dibenarkan memulakan tindakan sehingga pentadbirnya berjaya mendapat surat kuasa. Prinsip ini sudahpun dikenali oleh kes-kes yang diputuskan beberapa tahun sebelum kes *Meyappa*.<sup>15</sup> Dalam *Atkinson v The Bedford Third Equitable Benefit Building Society*<sup>16</sup> alasan tindakan bagi faedah simati telah timbul pada 14.1.1879 pukul 5.00 petang. Simati telah meninggal dunia tanpa wasiat pada hari yang sama. Mahkamah Rayuan Inggeris meneruskan kes dengan anggapan bahawa ia meninggal dunia sesudah alasan tindakan itu berbangkit. Plaintif telah mendapat surat kuasa untuk mentadbir pusaka simati pada 3.5.1889 dan memulakan tindakan pada 18.5.1889, iaitu sepuluh tahun sesudah alasan tindakan wujud. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa tuntutan plaintif tidak dihalang oleh tempoh batasan kerana tempoh itu hanya bermula apabila plaintif memperolehi surat kuasa, iaitu pada 3.5.1889.

Di sini rujukan perlu dibuat kepada seksyen 19, Limitation Act 1953. Seksyen ini memperuntukan bahawa tempoh antara kematian simati dan geran perlu diambil kira dalam satu tindakan seorang pentadbir untuk mendapat balik milikan tanah. Ini bermaksud masa peralihan antara kematian dan geran akan diambil kira sungguhpun alasan tindakan bagi mendapat balik milikan tanah wujud pada atau sesudah kematian simati. Oleh yang demikian dalam kes khas ini kedudukan pentadbir pusaka adalah sama seperti wasi.

<sup>13</sup>*Ibid.*, m.s. 610

<sup>13a</sup>*Ibid.* Ini adalah tertakluk kepada seksyen 19, Limitation Act (Act 254)

<sup>14</sup>Lihat m.s. 231 rencana ini.

<sup>15</sup>Contohnya *Atkinson v The Bedford Third Equitable Benefit Building Society* (1890) 25 Q.B.D 377; *Chan Kit San & Anor v Ho Fung Hang* [1902] A.C. 257, satu rayuan kepada Majlis Privy dari Hong Kong

<sup>16</sup>(1890) 25 Q.B.D 337

(b) *Seksyen 8(3) Civil Law Act 1956*<sup>17</sup>

(i) *Latarbelakangnya*

Seksyen 8(3) ialah satu peruntukan penting yang menetapkan satu tempoh batasan yang istimewa. Ia hanya melibatkan tuntutan tort terhadap seorang wasi atau pentadbir pusaka seorang simati berkenaan tort yang dilakukan oleh simati itu sebelum ia meninggal dunia dan tort itu tidak luput akibat kematiannya. Seksyen itu memperuntukkan bahawa tindakan tersebut tidak boleh dibawa melainkan ia telah:

- (a) dimulakan sebelum kematian pelaku tort, atau
- (b) dimulakan tidak lewat dari enam bulan sesudah wasi atau pentadbir pusaka pelaku tort mengeluarkan geran mahkamah.

Seksyen 8(3) dipinjam dari seksyen 1(3) Akta Inggeris, Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1934.<sup>18</sup> Tempoh enam bulan ini ditetapkan oleh Akta itu bagi faedah pusaka simati. Jika suatu tempoh yang singkat tidak ditetapkan bagi tindakan orang-orang lain, maka kerja-kerja wasi dan pentadbir pusaka untuk membahagi dan menyelesaikan pusaka itu akan tergendala. Alasan ini telah ditegaskan semula dalam kes Brunei, *Chen Fung Ying v. Chee Hatt Seng*.<sup>19</sup> Walaupun begitu peruntukan ini ada halangannya. Ia telah dikritik oleh Suruhanjaya Undang-Undang (Law Commission) di England sebagai sesuatu yang boleh membawa kesusahan kepada tuntutan-tuntutan *bona fide* terhadap pusaka seorang simati.<sup>20</sup> Umpamanya, ada kemungkinan bahawa mangsa tort tidak kenal siapakah pelaku tort itu dan memerlukan masa untuk mengesan identitinya atau mangsa tort tidak tahu bahawa pelaku tort itu telah meninggal dunia. Akibat cadangan Suruhanjaya Undang-Undang itu, maka

<sup>17</sup>Seksyen ini berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak mulai 1.4.1972. Sila rujuk kepada m.s. 230-231 rencana ini.

<sup>18</sup>Sebenarnya sebahagian dari peruntukan asal seksyen Inggeris itu ditinggalkan. Sila rujuk kepada muka surat 231 rencana ini.

<sup>19</sup>[1982] 1 M.L.J 370

<sup>20</sup>Cmd 4010 (1969)

peruntukan ini telah dimansuhkan di England oleh suatu Akta, iaitu Proceedings Against Estates Act 1970. Di England pada masa ini tuntutan tort terhadap wasi atau pentadbir pusaka berkenaan tort seorang simati adalah dikuasai oleh undang-undang tempoh batasan yang biasa. Di Malaysia, malangnya seksyen 8(3) masih menjadi sebahagian dari undang-undang kita dan kadangkala menjadi suatu perangkap bagi peguam yang tidak berwaspada. Adalah diharapkan bahawa peruntukan ini akan dimansuhkan dari Civil Law Act 1956 dengan secepat mungkin.

(ii) *Hubungan antara seksyen 8(3) dan tempoh batasan biasa di bawah Limitation Act 1953*

Perlu ditegaskan bahawa seksyen 8(3) mengetepikan tempoh batasan biasa (selama enam tahun) bagi tort yang disediakan oleh Limitation Act 1953. Ini adalah kerana seksyen 3 Limitation Act 1953 yang berbunyi,

"Akta ini tidak boleh dipakai kepada mana-mana tindakan atau timbangtara jika satu tempoh batasan telah disediakan oleh mana-mana undang-undang bertulis..."<sup>21</sup>

Dalam kes *Lee Lee Cheng (I) v Seow Seng Peng*,<sup>22</sup> sebuah kereta yang dipandu oleh seorang bernama Loke telah melanggar sebuah lori. Loke dan penumpang kereta itu, Gooi, meninggal dunia akibat kemalangan itu. Surat kuasa telah dikeluarkan oleh pentadbir pusaka Loke pada 8.8.1957. Pada 17.2.1958 (iaitu selepas tempoh enam bulan dari tarikh geran bagi pusaka Loke dikeluarkan) pentadbir pusaka Gooi telah memulakan tindakan mahkamah terhadap pusaka Loke dan menuntut ganti-rugi bagi kecuaiannya. Pada masa itu tempoh batasan biasa yang ditetapkan oleh Limitation Ordinance 1953 (sekarang Akta) belum tamat. Hakim Syed Sheh Barakbah memutuskan bahawa tuntutan pentadbir Gooi dihalang oleh seksyen 8(3) Civil Law Ordinance 1956 (yang kandungannya sama seperti seksyen 8(3) Civil Law Act 1956). Rayuan plaintif

<sup>21</sup>Lihat juga seksyen 5 Limitation Ordinance (Cap. 49) Sarawak dan Limitation Ordinance (Cap. 72) Sabah.

<sup>22</sup>(1960) M.L.J 1

kepada Mahkamah Agung telah ditolak. Hakim Besar Thomson menerangkan bahawa kandungan seksyen 8(3) adalah terang dan nyata. Suatu tindakan tort yang dimulakan sesudah tamatnya tempoh enam bulan selepas wasi atau pentadbir pusaka mengeluarkan geran mahkamah tidak akan dibenarkan. Hakim Besar Thomson juga menegaskan bahawa Ordinan (sekarang Akta) itu tidak menyediakan apa-apa kekecualian dan mahkamah sendiri tidak mempunyai kuasa untuk melanjutkan tempoh batasan yang ditetapkan olehnya.<sup>23</sup>

Suatu soalan penting yang lain melibatkan seksyen 8(3). Jika suatu alasan tindakan tort bagi faedah X terhadap pusaka Y telah luput kerana tamatnya tempoh batasan biasa di bawah Limitation Act 1953, persoalannya ialah sama ada ia hidup semula bagi suatu tempoh baru selama enam bulan jika (sesudah tamatnya tempoh batasan biasa itu) wasi atau pentadbir pusaka Y mengeluarkan geran mahkamah. Soalan ini akan menjadi jelas jika fakta-fakta kes *Airey v Airey*<sup>24</sup> dikaji. Dalam kes ini alasan tindakan tort timbul bagi faedah plaintif, Elizabeth Airey, pada 24.2.1951. Ia tercedera dalam satu kemalangan motokar. Pelaku tort, Isaac Airey meninggal dunia dalam kemalangan itu. Surat kuasa bagi pusaka Isaac Airey dikeluarkan oleh defendan, John Airey, pada 18.3.1957, iaitu sesudah tempoh batasan biasa dalam Akta Inggeris, Limitation Act 1939, seksyen 2 telah tamat. Plaintif telah memulakan tindakan pada 9.9.1957 iaitu sebelum tamatnya tempoh enam bulan dari tarikh surat kuasa yang dikeluarkan oleh defendan. Defendan telah menghujahkan dengan tegas bahawa tuntutan plaintif harus di tolak kerana tindakan terhadap simati sudah pun luput akibat tamatnya tempoh batasan biasa. Hakim Diplock telah menolak hujah itu dan Mahkamah Rayuan ("Court of Appeal") menyokongnya. Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa seksyen 1(3)(b) Akta Inggeris, Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1934 itu, telah memperuntukkan satu tempoh batasan khas dan menetapkan tempoh batasan biasa yang disediakan oleh Limitation Act 1939. Mengikut Mahkamah Rayuan kesan ini timbul kerana seksyen 38 Limitation Act 1939. Seksyen itu mengecualikan

<sup>23</sup>Sila rujuk juga kepada *Mat bin Lim & Anor v. Ho Yui Kam* [1967] 1 M.L.J. 13.

<sup>24</sup>[1958] 2 Q.B. 300.



pemakaian Akta itu jika mana-mana Akta lain menetapkan tempoh batasan khas.<sup>25</sup> *Airey v Airey* menunjukkan bahawa seksyen 8(3) Civil Law Act yang sebenarnya digubal untuk melindungi suatu pusaka boleh membangkitkan kesusahan yang besar baginya. Suatu tuntutan tort terhadap satu pusaka yang sudah luput dan dikuburkan oleh undang-undang batasan biasa boleh hidup semula jika wasi dan pentadbir pusaka itu mengeluarkan geran.

Dalam kes *Airey v Airey* tempoh batasan biasa di bawah Limitation Act 1939 tidak tamat pada masa pelaku tort meninggal dunia. Ia tamat pada masa plaintif mengeluarkan writnya. Jika tempoh batasan biasa bagi tort yang dilakukan oleh seorang telah tamat pada masa hayatnya, apakah tempoh itu hidup semula jika (sesudah kematiannya) wasi atau pentadbirnya mengeluarkan geran mahkamah untuk mentadbir pusakanya? Sekiranya jawapan bagi soalan ini adalah "Ya", maka satu tindakan boleh dimulakan terhadap pusaka seorang sungguhpun tempoh batasan bagi tort itu telah tamat berpuluh-puluh tahun dahulu. Sungguhpun fakta *Airey v Airey* adalah berlainan, hakim yang membicarakan kes itu, Hakim Diplock, telah memberi saranannya mengenai perkara ini. Nampaknya, pada pendapat Hakim Diplock, tidak ada perbezaan samada tempoh batasan tamat sebelum atau sesudah kematian pelaku tort. Di Mahkamah Rayuan Inggeris Hakim Jenkins telah membangkitkan perkara ini tetapi telah mengecualikan diri dari memberi apa-apa pendapat mengenainya.<sup>26</sup>

(iii) *Rinya Anak Kassi v Wong Sie King*<sup>27</sup>

Kes *Rinya Anak Kassi* adalah suatu rayuan dari Sarawak kepada Mahkamah Persekutuan. Kes ini adalah berkaitan dengan bahagian pertama seksyen 1(3)(b) Akta Inggeris, Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1934. Pada masa ia digubal pada tahun 1934, seksyen itu telah menghalang dua jenis tindakan dalam tort terhadap wasi atau pentadbir pusaka simati iaitu (a) tindakan yang

<sup>25</sup>Seksyen 3 Akta kita, Limitation Act 1953, adalah berdasarkan kepada seksyen Inggeris itu.

<sup>26</sup>[1958] 2 Q.B. 300, 315.

<sup>27</sup>[1970] 2 M.L.J. 82.

timbul lebih awal dari enam bulan sebelum kematian pelaku tort dan<sup>28</sup> (b) tindakan yang tidak dimulakan sebelum tamatnya tempoh enam bulan dari tarikh wasi atau pentadbir pusaka mengeluarkan geran mahkamah.

Pada tahun 1954 Parlimen Inggeris telah memansuhkan peruntukan luarbiasa dalam bahagian pertama seksyen 1(3)(b) bahawa tindakan tort terhadap pusaka simati dihalang jika tindakan itu telah berbangkit lebih awal dari enam bulan sebelum kematian simati.<sup>29</sup> Namun begitu, sesuatu yang telah dikuburkan di England pada tahun 1954 menjelma semula dalam keadaan yang hidup dan sihat di Sarawak pada tahun 1968 dalam kes *Rinya*. Alasan tindakan *Rinya* terhadap seorang bernama Kadam berbangkit pada 22.9.1967. Sembilan bulan kemudian (iaitu pada 27.6.1968) Kadam meninggal dunia. *Rinya* memulakan tindakannya terhadap pentadbir pusaka Kadam pada 4.12.1968. Mahkamah Persekutuan dengan sebulat suara memutuskan bahawa bahagian pertama dalam seksyen 1(3)(b) Akta Inggeris, Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1934, berkuatkuasa di Sarawak sungguhpun ianya dimansuhkan di England. Oleh kerana alasan tindakan *Rinya* berbangkit sembilan bulan sebelum kematian Kadam, maka tindakannya dihalang oleh bahagian pertama Seksyen 1(3)(b). Mahkamah memutuskan bahawa Akta Inggeris itu berkuatkuasa di Sarawak kerana wujudnya seksyen 2, Application of Laws Ordinance yang berkuatkuasa di Sarawak pada masa itu. Seksyen 2 telah mengimpot statut-statut Inggeris yang boleh dipakai secara am ("general application") ke Sarawak dengan syarat ia wujud pada 12.12.1947. Akta yang memansuhkan bahagian pertama seksyen 1(3)(b), iaitu Law Reform (Limitations of Actions) Act 1954, tidak berkuatkuasa di Sarawak kerana ia digubalkan selepas 12.12.1949.

Adalah disarankan bahawa selepas 1.4.1972, kes *Rinya* tidak lagi boleh menjadi suatu nas di Sarawak. Pada tarikh itu Civil Law Act 1956 yang disemak semula telah diperluaskan ke Sarawak. Akta itu telah memansuhkan Ordinan Sarawak, Application of Laws Ordinance. Penerimaan undang-undang Inggeris di Sarawak kini dikuasai oleh seksyen 3 Civil Law Act 1956 dan bukannya

<sup>28</sup>Bahagian ini tidak dimasukkan dalam seksyen 8(3) Civil Law Act kita.

<sup>29</sup>Oleh Law Reform (Limitations of Actions) Act 1954.

seksyen 2 Application of Laws Ordinance. Seksyen 3 menerangkan bahawa statut-statut Inggeris yang boleh dipakai secara am yang berkuatkuasa di England pada 12.12.1949 boleh diterima di Sarawak melainkan wujudnya "*peruntukan lain yang telah dibuat ... oleh mana undang-undang bertulis.*" Kes *Rinya* berdasarkan kepada bahagian pertama seksyen 1(3)(b) Akta Inggeris, Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1934. Seksyen 8(3) Civil Law Act yang telah dibincangkan sebelum ini sebenarnya adalah seksyen 1(3)(b) Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1934 tanpa bahagian pertama seksyen Inggeris itu. Seksyen 1(3)(b) Akta Inggeris itu digubal semula dalam seksyen 8(3) Civil Law Act 1956 dengan menggugurkan bahagiannya yang menghalang tindakan tort terhadap pusaka seorang pelaku tort jika alasan tindakan itu telah timbul lebih awal dari enam bulan sebelum kematiannya. Oleh kerana seksyen 8(3) Civil Law Act menjadi sebahagian undang-undang bertulis Sarawak mulai dari 1.4.1972, maka adalah disarankan bahawa seksyen 1(3)(b) Akta Inggeris tersebut dan keputusan dalam kes *Rinya* tidak lagi menjadi sebahagian Undang-undang Sarawak.

#### 4. Tindakan oleh wasi sebelum probet

Telah ditetapkan oleh Majlis Privy bahawa seorang wasi berhak memulakan tindakan mahkamah sungguhpun ia belum memperolehi geran probet dari mahkamah. Walaupun begitu, pada umumnya, ia tidak dibenarkan meneruskan tindakannya ke peringkat penghakiman. Sekatan ini timbul, mengikut pendapat Lord Parker of Waddington dalam *Meyappa Chetty v Supramaniam Chetty*,<sup>30</sup> kerana mengikut kaedah mahkamah, tidak ada cara lain untuk seorang wasi membuktikan haknya melainkan dengan menunjukkan geran probetnya.

Sungguhpun seorang wasi boleh memulakan tindakan mahkamah sebelum probet diperolehi dan meneruskan tindakan itu sehingga peringkat penghakiman, mahkamah mempunyai budi-bicara untuk menggantungkan tindakan itu sehingga wasi itu memperolehi probet. Budi-bicara ini telah diakui dalam kes *Webb v Adkins*<sup>31</sup> dan kes *Tarn & Another v The Commercial Banking Com-*

<sup>30</sup>[1916] 1 A.C. 603

<sup>31</sup>14 C.B. 401; 23 L.J. (C.P.) 96

*pany of Sydney*<sup>32</sup> tetapi prinsip-prinsip yang menguasai budibicara ini masih belum ditetapkan dengan tepat. Mungkin mahkamah akan menggunakan kuasanya untuk menggantung tindakan wasi jika ketiadaan probet akan menyebabkan kesulitan kepada defendan.<sup>33</sup>

Dalam suatu keadaan khas seorang wasi dibenarkan memulakan tindakan dan meneruskan tindakan itu sehingga peringkat penghakiman sungguhpun dia belum memperolehi probet.<sup>34</sup> Kecualian ini digunakan bagi tuntutan wasi mengenai harta pusaka dalam milikannya sebagai wasi. Milikannya memberikan hak *prima facie* dalam undang-undang biasa untuk bertindak dan mendapat pemulihan. Oleh itu seorang wasi boleh memulakan tindakan dan mendapat penghakiman terhadap seorang yang melakukan satu kesalahan (umpamanya pencerobohan) terhadap barang-barang simati dalam possessinya sebagai wasi, sungguhpun ia belum memperolehi probet.

##### 5. Tindakan terhadap wasi sebelum probet

Seseorang wasi yang belum mengeluarkan probet tidak boleh didakwa sebagai wakil pusaka. Kes utama yang menetapkan prinsip ini ialah keputusan Majlis Privy, *Mohamidu Mohideen Hadjar v Pichey*.<sup>35</sup> Wasi seorang simati, bernama Appu, telah memohon untuk mendapat geran probet. Mahkamah telah meluluskan permohonan Appu dan memerintahkan bahawa geran probet boleh dikeluarkan sesudah Appu mengangkat sumpah jawatan ("Oath of Office") sebagai wasi. Appu tidak mengangkat sumpah jawatan itu atau meneruskan permohonannya. Kemudian seorang pemiutang simati, bernama Puan Fernando, telah mendakwa Appu dengan menamakan beliau sebagai wasi simati. Appu tidak memasuki kehadiran dan penghakiman ingkar ("default judgment") telah diperolehi oleh Puan Fernando. Selepas itu Puan Fernando telah melaksanakan penghakiman itu. Perlaksanaan Puan Fernando dicabar dalam satu tindakan baru dan kes baru itu telah

<sup>32</sup>(1884) Q.B.D. 294

<sup>33</sup>Sila rujuk kepada ucapan Hakim Lopez dalam kes *Tarn*, *ibid* m.s. 296

<sup>34</sup>Sila rujuk kepada Williams, Mortimer & Sunnucks, *Executors, Administrators & Probate* (Edisi ke-16) m.s. 87-89

<sup>35</sup>[1894] A.C. 437

sampai ke peringkat Majlis Privy. Majlis Privy memutuskan bahawa penghakiman yang diperolehi oleh Puan Fernando terhadap Appu dan pelaksanaan penghakiman itu adalah tidak sah. Ini adalah kerana seorang wasi yang tidak memegang probet tidak boleh didakwa melainkan wasi itu telah mula mentadbir pusaka simati atau telah mencampur-tangan dalam hal-hal pusaka itu.<sup>36</sup> Lord Macnaghten menerangkan,

“Adalah nyata bahawa Appu yang tidak memperolehi probet, tidak mewakili pusaka simati dalam tindakan pemiutang itu, dan oleh itu rampasan dan penjualan sebahagian aset simati di bawah suatu pelaksanaan yang berdasarkan tindakan itu adalah tidak berkesan untuk mengikat pusaka simati.”<sup>37</sup>

Kes *Mohamidu* juga menerangkan bahawa tindakan wasi memohon untuk mendapatkan probet bukanlah suatu alasan yang boleh digunakan untuk menghujahkan bahawa ia telah mula mentadbir pusaka itu atau telah mencampur-tangan dalam hal-hal pusaka itu.<sup>38</sup> Dalam keadaan sedemikian, nampaknya, seorang plaintif yang ingin memulakan tindakan terhadap wasi itu terpaksa menunggu sehingga wasi itu mengeluarkan probetnya dahulu.

## 6. Tindakan oleh pentadbir pusaka dan terhadapnya

### (a) *Prinsip am*

Seorang pentadbir pusaka tidak boleh mendakwa atau didakwa sehingga ia telah memperolehi geran surat kuasa mahkamah. Dalam kes terkenal, *Inggal v Moran*,<sup>39</sup> simati meninggal dunia dengan tidak meninggalkan wasiat akibat satu kemalangan jalan raya yang melibatkan sebuah lori tentera. Kemalangan itu berlaku pada 19.9.1941. Plaintif telah mengeluarkan writ sebagai pentadbir pusakanya pada 17.9.1942 tetapi ia tidak mendapat geran surat

<sup>36</sup>Untuk butir-butir mengenai apa menjadi “campur-tangan” sila rujuk kepada Williams, Mortimer & Sunnucks, *Executors, Administrators & Probate* (Edisi ke-16), m.s. 94-98

<sup>37</sup>[1894] A.C. 437, 442

<sup>38</sup>*Ibid*

<sup>39</sup>[1944] 1 K.B. 160

kuasa sehingga 13.11.1942. Pada masa ia memperoleh geran itu, tempoh batasan selama setahun sudahpun tamat. Mahkamah Rayuan Inggeris memutuskan bahawa permulaan tindakan oleh plaintif itu adalah tidak sah dan perlu diketepikan. Writ plaintif tidak berkesan dari permulaannya kerana ia tidak mempunyai kuasa untuk mendakwa. Fakta bahawa ia telah mendapat geran surat kuasa sesudah pengeluaran writ tidak mengesahkan apa yang dimulakan tanpa kuasa yang sah. Prinsip *Inggal* digunakan oleh Mahkamah Rayuan Inggeris dalam kes *Hilton v Sutton Steam Laundry*,<sup>40</sup> dan *Finnegan v Cementation Co Ltd*.<sup>41</sup> Kedua-dua kes tersebut di atas melibatkan balu-balu yang malang yang telah mendakwa sebagai pentadbir pusaka suami mereka sebelum mereka mendapati geran surat kuasa.<sup>42</sup> Tindakan mereka kecewa dan diketepikan kerana mereka tidak mempunyai kuasa untuk memulakan tindakan. Kebanyakan kes seperti itu timbul kerana proses mendapat surat kuasa memakan masa dan plaintif terpaksa mendakwa dengan segera untuk mengelak halangan tuntutan mereka oleh tempoh-tempoh batasan yang pendek. Umpamanya, dalam kes-kes *Inggal*, *Hilton* dan *Finnegan* plaintif menghadapi masalah tempoh batasan yang amat pendek, iaitu setahun sahaja.

Baru-baru ini Majlis Privy telah membezakan kes-kes tersebut di atas dalam *Austin & Others v Hart*.<sup>43</sup> Kes itu adalah kes rayuan daripada Trinidad dan Tobago. Ia sangat penting untuk Malaysia kerana ia ada kena-mengena dengan perundangan yang, pada amnya, sama dengan seksyen 7 Civil Law Act 1956. Perundangan ini membenarkan saudara-mara tertentu seseorang simati mendakwa dan mendapat ganti-rugi dari pelaku tort yang menyebabkan kematian simati. Fakta kes Austin adalah seperti berikut: S telah meninggal dunia pada 4.5.1974 akibat suatu kemalangan jalanraya. Saudara-mara tertentu simati telah menuntut ganti-rugi terhadap pelaku tort yang menyebabkan kematiannya. Mengikut perundangan Trinidad dan Tobago, tindakan itu mestilah dimulakan di atas nama wasi atau pentadbir pusaka simati sebelum tamatnya dua-belas bulan<sup>44</sup> dari tarikh

<sup>40</sup>[1946] K.B. 65

<sup>41</sup>[1953] 1 Q.B. 688

<sup>42</sup>Lihat juga *Burns v Campbell* [1952] 1 K.B. 15

<sup>43</sup>[1983] 2 All E.R. 341

<sup>44</sup>Tiga tahun di Malaysia

kematian simati. Jika tidak ada wasi atau pentadbir, atau jika ada wasi atau pentadbir tetapi ia tidak memulakan tindakan dalam tempoh enam bulan sesudah kematian simati, saudara-mara dibenarkan memulakan tindakan di atas nama mereka sendiri sebagai plaintif. Dalam kes *Austin*, saudara-mara S telah memulakan tindakan terhadap defendan sebaik sahaja tiga bulan tamat sesudah kematiannya. Pada masa itu W, wasi S, belum mendapat probetnya dan belum memulakan apa-apa tindakan bagi pihak pusaka. Defendan telah membantah writ saudara-mara tersebut dengan alasan bahawa mereka tidak ada kuasa untuk mendakwa sehingga tamatnya tempoh enam bulan seperti disebutkan dalam perundangan yang tersebut di atas. Majlis Privy telah menolak hujah itu. Hakim Lord Templeman yang menyampaikan keputusan Majlis Privy telah menyatakan bahawa adalah memang benar yang saudara-mara tersebut telah bertindak sebelum dibenarkan oleh undang-undang. Jika wasi simati, W, telah memulakan tindakan dalam tempoh enam bulan yang disebutkan dalam perundangan itu, writ saudara-mara itu mungkin ditolak atau digantung. Walaupun begitu kemungkinan bahawa wasi itu akan bertindak tidak membatalkan writ mereka.

Sikap liberal dalam kes *Austin* tidak bermakna bahawa keputusan Mahkamah Rayuan Inggeris dalam kes-kes *Inggal*, *Hilton* dan *Finnegan* boleh dilupakan. Lord Templeman dalam kes *Austin* tidak mahu mengulas mengenai keesahan kes-kes itu walaupun mengikut hakim itu tidak ada sebab untuk meluaskan kuasa mereka.<sup>45</sup> Lord Templeman telah membezakan fakta kes *Austin* dari kes-kes tersebut dengan menyatakan bahawa saudara-mara dalam kes *Austin* berhak bertindak dengan syarat (seperti mana sebenarnya berlaku) seorang wasi atau pentadbir pusaka tidak memulakan tindakannya dalam tempoh enam bulan sesudah kematian simati. Dalam kes *Inggal*, *Hilton* dan *Finnegan*, plaintif langsung tidak mempunyai kuasa di bawah undang-undang untuk memulakan tindakan mereka.

(b) *Geran perlu dikeluarkan dari mahkamah*

Beberapa kes Malaysia memutuskan bahawa seorang pentadbir tidak boleh mendakwa atau didakwa sehingga geran itu dikeluarkan

<sup>45</sup>[1983] 2 All E.R. 341, 344-345

dari Mahkamah. Perintah mahkamah bahawa satu geran diberikan kepada seorang pemohon tidak mencukupi. Geran itu mestilah sampai ketangannya. Dalam kes Sabah, *Ang Moi Yin v Sim Sie Hau*,<sup>46</sup> surat kuasa telahpun diluluskan oleh mahkamah untuk plaintif tetapi pada masa ia memulakan tindakan sebagai pentadbir, ia masih belum mengeluarkannya lagi dari Mahkamah. Hakim Lee Hun Hoe, setelah merujuk kepada beberapa nas dan seksyen 78(2) Probate and Administration Ordinance (Sabah) menyatakan<sup>47</sup>

"Dari nas-nas itu adalah nyata bahawa undang-undang mengenai hal ini adalah sama, samada seorang mendakwa sebagai pentadbir pusaka atau didakwa atas sifat itu, jika ia belum mengeluarkan surat kuasa pada masa tindakan berkenaan dimulakan, maka writ itu mestilah dianggap sebagai satu nulliti dari permulaan dan perlu diketepikan."

Dalam kes Melaka, *Govindasamy Pillai & Ors v Lok Seng Chai & Ors*,<sup>48</sup> plaintif telah memulakan tindakan pada 18.1.1960 terhadap defendan sebagai pentadbir pusaka seorang simati. Pada tarikh itu defendan belum mengeluarkan surat kuasanya dari mahkamah sungguhpun permohonannya untuk geran itu diluluskan pada 15.1.1960. Hakim Ismail Khan telah mengetepikan writ plaintif dengan alasan bahawa defendan tidak boleh didakwa sehingga ia mengeluarkan geran.<sup>49</sup> Hakim itu merujuk kepada Probate and Administration Ordinance<sup>50</sup> yang berkuatkuasa di Melaka pada masa itu. Seksyen 2 Ordinan itu telah mentafsirkan surat kuasa sebagai "suatu geran di bawah metri mahkamah yang mengeluarkannya." Hakim Ismail Khan menyatakan<sup>51</sup>

"Pada pendapat saya perkataan penting adalah perkataan 'geran di bawah metri' dan ini bermakna bahawa apabila mahkamah memberikan satu geran, apa yang dimaksudkan ialah satu geran di bawah metrinya dan sehingga geran tersebut dikeluarkan perintah mahkamah bahawa surat kuasa dikeluarkan adalah semata-mata merupakan suatu perintah bersyarat tertakluk kepada pematuhan sipetisyen dengan keperluan tambahan ...."

<sup>46</sup>[1969] 2 M.L.J. 3

<sup>47</sup>*Ibid.*, m.s. 6

<sup>48</sup>(1961) M.L.J. 89

<sup>49</sup>Hakim itu tidak bersetuju dengan kes Singapura, *Chia Foon Sian & Anor v Lam Chee Fah & Anor* [1955] M.L.J. 203 dan kes Perak, *Re Haji Mohamed Amin* (tidak dilaporkan)

<sup>50</sup>S.S. Cap. 51

<sup>51</sup>[1961] M.L.J. 89, 90



Satu lagi contoh ialah kes *Comptroller of Income Tax v Yan Tai Min*.<sup>52</sup> Faktanya adalah sama seperti dalam kes *Govindasamy Pillai*. Hakim Ali telah menyetujui writ plaintif dan menolak tuntutan dengan alasan bahawa sehingga pentadbir mengeluarkan geran dari mahkamah ia tidak mempunyai sifat sebagai wakil pusaka dan oleh itu tidak boleh didakwa.<sup>53</sup>

Kini peruntukan statut yang berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia ialah seksyen 2, Probate and Administration Act 1959 (Revised 1972).<sup>54</sup> Seksyen itu mentafsirkan "pentadbiran" sebagai "surat kuasa yang dikeluarkan oleh mahkamah ..." <sup>55</sup> dan "pentadbir" sebagai "seseorang yang kepadanya pentadbiran telah diberikan." Ini menunjukkan bahawa seorang hanya menjadi pentadbir setelah surat kuasa dikeluarkan oleh mahkamah dan Akta itu mengesahkan prinsip yang disebutkan dalam kes *Govindasamy Pillai*. Di sini rujukan perlu dibuat kepada seksyen 39(2) Akta tersebut. Peruntukan ini menyatakan bahawa apabila mahkamah membuat satu perintah bahawa surat kuasa dikeluarkan, maka harta pusaka simati akan terletak hak di atas nama pentadbir. Ini bermaksud bahawa harta pusaka simati akan terletak hak di atas nama pentadbir sebaik sahaja gerannya diluluskan dan bukan pada masa geran dikeluarkan. Adakah ini bermaksud yang ia boleh mendakwa atau didakwa sebaik sahaja geran diluluskan oleh mahkamah? Seksyen ini berkuatkuasa pada masa kes *Comptroller of Income Tax v Yan Tai Min* diputuskan tetapi mahkamah tidak menyentuhkannya.<sup>56</sup>

Suatu perkara yang berkaitan ialah sama ada doktrin kait balik ("relation back") boleh menolong litigan dalam bahagian undang-undang ini. Doktrin ini membenarkan seorang pentadbir yang

<sup>52</sup>[1965] 1 M.L.J. 255

<sup>53</sup>*Ibid*, m.s. 256 di mana Hakim itu menerangkan kesan suatu perintah mahkamah bahawa satu geran dikeluarkan kepada sipetisyen.

<sup>54</sup>Akta ini telah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak tetapi tarikh ianya berkuatkuasa di negeri-negeri itu masih belum ditetapkan. Perundangan yang berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak pada masa ini ialah Probate and Administration Ordinance (Cap 109) (Sabah) dan Administration of Estates Ordinance (Cap 80 1948 Ed) (Sarawak)

<sup>55</sup>Sila rujuk kepada pendapat Hakim Ali mengenai tafsiran seksyen ini dalam kes *Comptroller of Income Tax v Yan Tai Min* [1965] 1 M.L.J. 255, 256

<sup>56</sup>Ordinan Negeri-Negeri Selat (S.S. Cap. 51) yang berkuatkuasa pada masa kes *Govindasamy Pillai* (*supra* n. 48) diputuskan dan Ordinan Sabah pada masa kes *Ang Moi Yin* (*supra* n. 46) diputuskan tidak mengandungi satu peruntukan seperti ini.

sudah mengeluarkan gerannya mendakwa seorang yang telah melakukan kerugian terhadap pusaka simati dalam masa peralihan antara tarikh kematian simati dan tarikh keluaran geran pentadbir itu. Kuasa pentadbir dikatakan sebagai kait balik kepada tarikh kematian simati.<sup>57</sup> Bolehkah doktrin ini digunakan untuk mengesahkan satu tindakan yang dimulakan oleh seorang bakal pentadbir yang tidak mempunyai geran pada tarikh tindakan itu difailkan tetapi telah memperolehi geran sesudah tarikh itu? Dalam kes *Inggal v Moran*<sup>58</sup> Mahkamah Rayuan dengan sebulat suara memutuskan bahawa "doktrin kait balik" tidak boleh dipakai untuk mengesahkan suatu tindakan oleh seorang bakal pentadbir yang hanya memperolehi gerannya sesudah writnya difailkan.

(c) *Kontrak untuk mengeluarkan surat kuasa*

Akhirnya perlu diambil perhatian bahawa jika seseorang telah berkontrak dengan plaintif untuk memohon bagi mendapatkan, atau mengeluarkan, surat kuasa, maka plaintif berhak mendakwanya dan memaksanya supaya berbuat demikian. Dalam kes *Johor, Silimuthu v Amalu*,<sup>59</sup> waris-waris seorang simati diperintahkan oleh mahkamah supaya memohon bagi mendapatkan surat kuasa seperti yang telah mereka janjikan dalam satu perjanjian dengan plaintif.

**7. Sifat perwakilan mestilah diindorskan di atas writ**

Dalam kes di mana seorang plaintif mendakwa, atau seorang defendan membela diri, sebagai wakil maka menurut Perintah 6, kaedah 3(1) Rules of the High Court 1980, sifat perwakilan itu hendaklah diindorskan (iaitu dicatitkan) di atas writ sebelum writ itu dikeluarkan. Ini bermaksud jika wasi atau pentadbir pusaka mendakwa atau didakwa atas sifatnya sebagai wakil pusaka maka sifat perwakilan tersebut mestilah dicatit dalam bahagian indorsan dalam writ.<sup>60</sup> Pengindorsan inilah yang mengikat pusaka simati

<sup>57</sup>Sila rujuk kepada kes *Foster v Bates* (1843) 12 M. & W. 226 dan *Kechik & Ors v Habeeb & Anor* [1963] M.L.J. 127

<sup>58</sup>[1944] 1 K.B. 160

<sup>59</sup>[1983] 1 M.L.J. 190

<sup>60</sup>*Mohamed Hanif & Anor v Chin Ah Bah* [1974] 1 M.L.J. 128

kepada tindakan mahkamah itu.<sup>61</sup> Perintah 6, Kaedah 3(1) Rules of the High Court 1980 memerlukan pengindorsan itu dibuat sebelum writ dikeluarkan.

Dalam kes *Loh Koon Moy v Zaibun*,<sup>62</sup> Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa kegagalan untuk mencatat pengindorsan itu adalah suatu ketinggalan yang boleh dibaiki dengan satu pindaan. Kaedah mahkamah yang berkuatkuasa pada masa kes *Loh Koon Moy* diputuskan, iaitu Perintah 4 kaedah 4(1) Rules of the Supreme Court 1957, sudahpun digantikan pada tahun 1980 oleh Perintah 6 kaedah 3(1) Rules of the High Court 1980. Kaedah baru itu dengan nyata memerlukan pengindorsan dicatat sebelum writ dikeluarkan. Walaupun begitu adalah disarankan bahawa kesan kes *Loh Koon Moy* tidak berubah. Suatu permohonan untuk membuat pindaan bagi membuat suatu pengindorsan tidak akan dihalang semata-mata kerana ia tidak dicatat pada masa writ itu dikeluarkan. Malahan Perintah 20 kaedah 5(4) membenarkan suatu pindaan untuk memasukkan sifat perwakilan (tertakluk kepada budibicara mahkamah) sungguhpun tempoh batasan bagi alasan yang berkaitan telah tamat. Namun begitu Perintah 20 kaedah 5(4) tidak membenarkan suatu pindaan jika sifat perwakilan itu sebenarnya tidak wujud semasa writ itu dikeluarkan.

#### 8. Peranan Pegawai Pentadbir Pusaka ("Official Administrator") di bawah Probate and Administration Act 1959<sup>63</sup>

Pegawai Pentadbir Pusaka, seorang pegawai Kerajaan, mempunyai peranan penting dan berguna di dalam pentadbiran pusaka yang tidak mempunyai wasiat dan adalah penting bagi seorang peguam mengetahui kuasa-kuasa pegawai ini.

Jawatan Pegawai Pentadbir Pusaka diwujudkan buat pertama kalinya di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1905<sup>64</sup> dengan tujuan utama supaya mengadakan seorang pegawai kehakiman untuk mentadbir pusaka (a) yang belum dikeluarkan

<sup>61</sup>Sila rujuk kepada *Mat Shah bin Mohamed & Anor v Foo Say Meng & Ors* [1984] 1 M.L.J. 237, 240

<sup>62</sup>[1978] 2 M.L.J. 29

<sup>63</sup>Sila rujuk kepada n. 54, *supra*

<sup>64</sup>Dengan Official Administrator's Enactment 1905 (Enakmen Perak No.5 bagi 1905, Enakmen Selangor No.7 bagi 1905, Enakmen Negeri Sembilan No.6 bagi 1905, Enakmen Pahang No.6 bagi 1905).

surat kuasanya dan (b) di mana pada pendapat mahkamah seorang pegawai kerajaan perlu dilantik untuk melindungi harta pusaka itu dan kepentingan waris-waris simati.<sup>65</sup> Tambahan pula dengan wujudnya jawatan itu, maka masalah dapat diatasi bagi menetapkan seorang pegawai kehakiman yang sesuai di atas nama siapa harta pusaka seorang simati yang meninggal dunia tanpa wasiat boleh diletakhak, seperti keadaan di England di mana oleh kerana seksyen 19 Court of Probate Act 1858, pusaka seorang simati tanpa wasiat adalah terletak di atas nama Hakim Mahkamah Probet.<sup>66</sup> Oleh yang demikian, seksyen 4 Official Administrator's Enactment 1905 telah memperuntukkan bahawa harta pusaka seorang simati yang meninggal dunia tanpa wasiat dan tidak meninggalkan waris atau waris yang diketahui akan terletak di atas nama Pegawai Pentadbir Pusaka sehingga geran perwakilan dikeluarkan oleh mahkamah.

Kini Pegawai Pentadbir Pusaka dilantik oleh Yang DiPertuan Agong<sup>67</sup> dan kuasanya diterangkan dalam Bahagian VIII Probate and Administration Act 1959 (Revised 1972) (Act 97). Amalan sekarang adalah untuk melantik seorang pegawai kanan dari Perkhidmatan Undang-Undang dan Kehakiman untuk mengisi jawatan itu dan pada masa yang sama mengisi juga jawatan Pemegang Amanah Raya.

- (a) *Kuasa am untuk mendakwa bagi pihak pusaka yang tidak mempunyai pentadbir*

Mengikut seksyen 80(1) Probate and Administration Act 1959 Pegawai Pentadbir Pusaka boleh, apabila beliau berpendapat bahawa seseorang telah mati tanpa wasiat dan meninggalkan harta di Malaysia, mengambilalih harta itu dan memberikan perlindungan yang selamat sehingga surat kuasa dikeluarkan oleh mahkamah. Sokongan kuat diberi kepada seksyen 80(1) oleh seksyen 80(2). Seksyen ini memperuntukkan bahawa jika seorang yang tidak mempunyai kuasa yang sah mengalihkan, atau cuba mengalihkan,

<sup>65</sup>Lihat Penyata Tahunan Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pentadbir Pusaka 1957-61 m.s. 30 (Arkib Negara).

<sup>66</sup>Kedudukan sekarang di England dikuasai oleh seksyen 9, Administration of Estates Act, 1925.

<sup>67</sup>Seksyen 78(1) Probate and Administration Act 1959 (Act 97) (Revised 1972)

apa-apa bahagian harta seorang simati atau merosakkan atau menyembunyikan atau cnggan menyerahkan harta itu di atas permintaan Pegawai Pentadbir Pusaka maka orang itu melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabit kesalahan didenda lima ratus ringgit atau dipenjara untuk jangka waktu tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kuasa ini adalah sangat berguna kerana ia membenarkan Pegawai Pentadbir Pusaka mendakwa (tanpa geran surat kuasa) seseorang yang menyebabkan kerosakan atau kerugian kepada suatu pusaka dalam masa peralihan antara kematian simati dan keluaran geran surat kuasa. Seorang pentadbir biasa yang belum mengeluarkan gerannya, dan oleh sebab itu tidak ada apa-apa kuasa, boleh meminta Pegawai Pentadbir Pusaka menggunakan kuasanya di bawah seksyen 80 jika ia memerlukan bantuan untuk melindungi pusaka simati atau jika ia ingin mendakwa sesiapa bagi pihak pusaka itu.

(b) *Kuasa untuk memohon bagi mana-mana geran*

Pegawai Pentadbir Pusaka diberi kuasa oleh seksyen 78(2) Probate and Administration Act 1959 untuk memohon bagi mana-mana geran perwakilan yang boleh diberikan oleh mahkamah. Khususnya di bawah seksyen 81 Akta itu ia dibenarkan mempetisyen bagi geran perwakilan jika (antara lain) apabila tamat tempoh enam bulan sesudah kematian seorang simati, tidak ada apa-apa permohonan dibuat oleh sesiapa untuk mendapatkan surat kuasa atau probet.

Tambahan pula jika seorang yang diluluskan suatu geran (a) tidak memberi jaminan<sup>68</sup> kepada mahkamah dalam tempoh tiga bulan dari tarikh geran diluluskan atau (b) gagal mengeluarkan dalam masa yang munasabah surat kuasa itu, maka Pegawai Pentadbir Pusaka dibenarkan oleh seksyen 82 memohon bahawa geran yang diluluskan itu diketepikan dan satu geran baru dikeluarkan di atas nama beliau. Kuasa ini adalah sangat berguna dalam keadaan di mana waris-warisan dengan sengaja melewatkan hal pengeluaran geran untuk mentadbir suatu pusaka dan dengan itu ingin mengecewakan tuntutan atau tindakan orang lain terhadap pusaka itu.

<sup>68</sup>Sila rujuk kepada seksyen 35 Probate and Administration Act 1959

(c) *Seksyen 39 Probate and Administration Act 1959*

Seksyen ini berbunyi:

"Apabila seseorang mati tanpa wasiat maka hartanya samada alih atau takalih sehingga surat kuasa dikeluarkan berkenaan dengannya hendaklah terletak pada Pegawai Pentadbir Pusaka dalam cara dan hak yang sama seperti yang terletak pada Hakim Probet di England."

Seksyen ini boleh menimbulkan kekeliruan dan kadangkala seorang peguam akan salah anggap bahawa oleh kerana harta pusaka simati terletak pada di atas nama Pegawai Pentadbir Pusaka maka ia boleh didakwa seperti pentadbir pusaka biasa. Sejarah dan natijahnya perlu diperhatikan. Sejarahnya bermula dengan seksyen 4 Official Administrator's Enactment 1905. Seksyen itu telah memperuntukkan bahawa harta pesaka seorang simati yang meninggal tanpa wasiat dan tidak meninggalkan waris yang diketahui akan terletak pada atas nama Pegawai Pentadbir Pusaka sehingga surat kuasa untuk mentadbirnya diluluskan oleh mahkamah. Apabila Official Administrator's Enactment 1905 dimansuhkan pada tahun 1920 oleh Probate and Administration Enactment 1920 peruntukan yang terdapat dalam seksyen itu dimasukkan dalam seksyen 30 Enakmen baru itu tanpa perkataan-perkataan "dan tidak meninggalkan waris yang diketahui". Natijah seksyen 30 itu telahpun dibincangkan pada tahun 1933 dalam kes *K.A.L.R.M. Karuppan Chettiar v Subramaniam Chettiar* dan *Muthukaruppan Chettiar*.<sup>69</sup> Pihak menuntut dengan menggunakan seksyen 30 telah mendakwa Pegawai Pentadbir Pusaka Negeri-negeri Melayu Bersekutu sebagai "orang yang pada siapa sekarang terletak harta pusaka V.R.M.N. Ramasamy Chettiar," seorang simati. Hakim Burton memutuskan bahawa seksyen 30 tidak memberi kuasa untuk mendakwa Pegawai Pentadbir Pusaka. Dalam keputusannya Hakim itu menyatakan:<sup>70</sup>

"Saya tidaklah berfikir bahawa seksyen 30 boleh ditafsirkan sebagai memberi erti bahawa Pegawai Pentadbir Pusaka boleh didakwa berkenaan satu pusaka yang tidak mempunyai wasiat hanya dengan

<sup>69</sup>[1933] M.L.J. 226

<sup>70</sup>*Ibid* m.s.226

menggunakan peruntukan ini. Dalam *Chan Kit San v Fung Hang* [1902] A.C. 257 Majlis Privy memutuskan bahawa kesan seksyen yang bersangkutan dalam Ordinan Hong Kong adalah meletakkan Pegawai Pentadbir Pusaka di dalam kedudukan sebagai penerima harta yang tidak berwasiat sementara menunggu surat kuasa tetapi tanpa kuasa untuk mendakwa mengenainya. Saya fikir adalah jelas bahawa ia tidak boleh didakwa di bawah seksyen ini. Seksyen ini tidak memberikannya kuasa sebagai seorang pentadbir dan beliau tidak boleh mentadbirkan harta yang dipertanggungjawabkan kepadanya di bawah seksyen ini tanpa perintah lanjut."

Rujukan telahpun dibuat di atas kepada seksyen 39 Probate and Administration Act 1959, iaitu seksyen baru yang sama kandungannya dengan seksyen 30 yang dibincangkan dalam kes *K.A.L.R.M Karuppan Chettiar*. Pada tahun 1978 dalam kes *Selvarajah & Anor v The Official Administrator*<sup>71</sup> hujah bahawa seksyen 39 membenarkan Pegawai Pentadbir Pusaka didakwa dibangkitkan semula di Mahkamah Tinggi. Mahkamah itu, setelah merujuk kepada kes *K.A.L.R.M. Karuppan Chettiar* memutuskan bahawa Pegawai Pentadbir Pusaka tidak boleh didakwa sebagai wakil pusaka semata-mata kerana pusaka itu terletak hak padanya.

#### **9. Permulaan tindakan terhadap suatu pusaka yang tidak mempunyai wakil yang boleh didakwa**

Telahpun diambil perhatian bahawa pada umumnya suatu pusaka tidak boleh didakwa sehingga ia mempunyai wasi atau pentadbir pusaka yang sudah mengeluarkan geran probet atau surat kuasa. Prinsip ini boleh membangkitkan kesusahan kepada seorang plaintif yang ingin mendakwa pusaka simati dengan secepat mungkin. Perkara yang biasanya menekan plaintif ialah tempoh batasan. Jika tempoh bagi tujuan batasan telah mula dikira, maka plaintif perlu bertindak sebelum tempoh itu tamat. Jika tidak ia akan kehilangan haknya untuk selama-lamanya.

Masalah ini kadangkala dihadapi oleh seorang plaintif yang tercedera akibat kemalangan jalan raya. Jika pemandu yang melakukan kemalangan itu meninggal dunia, maka tuntutan plaintif untuk pampasan akan tergendala sehingga wasi atau

<sup>71</sup>[1978] 2 M.L.J 108

pentadbir pusaka mengeluarkan geran mahkamah. Sehingga plaintif memperolehi penghakiman terhadap pusaka pemandu tersebut syarikat insurans yang menginsuranskan kereta pemandu itu tidak bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada plaintif. Di England, plaintif boleh memohon kepada mahkamah untuk melantik seorang penama plaintif sebagai pentadbir *ad litem*. Pentadbir *ad litem* ini akan mewakili pusaka simati untuk tujuan tindakan plaintif. Umpamanya dalam kes *Re Simpson*.<sup>72</sup> Hakim Langton telah meluluskan satu geran kepada penama seorang plaintif yang ingin mendakwa pusaka simati. Peruntukan statut yang telah digunakan dalam kes ini ialah seksyen 162(1) Supreme Court of Judicature (Consolidation) Act 1925 setelah dipinda oleh seksyen 9 Administration of Justice Act 1928.<sup>73</sup> Di Semenanjung Malaysia peruntukan yang berkenaan ialah proviso kepada seksyen 30 Probate and Administration Act 1959.<sup>74</sup> Yang penting ialah bahagian proviso yang berbunyi "... melainkan kerana ketaksolvenan pusaka atau lain-lain kedudukan khas mahkamah berpendapat ia sesuai untuk memberikan pentadbiran kepada seorang lain." Sungguhpun proviso itu tidak sama kandungan dengan peruntukan Inggeris yang tersebut di atas, kesannya adalah sama dan adalah disarankan bahawa mahkamah mempunyai kuasa untuk melantik seorang pentadbir *ad litem* di bawah seksyen itu.

Di England satu aturcara yang mudah dan cepat telah disediakan akibat suatu cadangan Suruhanjaya Undang-Undang pada tahun 1969.<sup>75</sup> Suatu Akta, *Proceedings Against Estates Act 1970*, digubalkan bagi tujuan ini. Seksyen 2 Akta itu membenarkan tindakan dimulakan terhadap suatu pusaka sungguhpun pusaka itu tidak mempunyai seorang wasi atau pentadbir pusaka. Untuk menguatkuasakan aturcara baru itu suatu kaedah baru, iaitu Perintah 15 Kaedah 6A, telah diadakan di England sebagai sebahagian *Rules of the Supreme Court 1965*. Sungguhpun Malay-

<sup>72</sup>[1936] P. 40

<sup>73</sup>Sila rujuk kepada Williams, Mortimer & Sunnucks, *Executors, Administrators and Probate* (Edisi ke-6), m.s. 319, 321-323

<sup>74</sup>Sila rujuk kepada seksyen 51, (F.M.S.) Probate and Administration Enactment (Cap. 8) dan seksyen 17, (S.S.) Probate and Administration Ordinance (Cap. 51) yang berkuatkuasa sebelum tahun 1959. Untuk peruntukan di Sabah sila rujuk kepada seksyen 51, Probate & Administration Ordinance (Cap. 109). Nampaknya tidak ada peruntukan yang kena-mengena di Ordinan Sarawak. Administration of Estates Ordinance (Cap. 80).

<sup>75</sup>Cmnd. 4010 (1969)



sia tidak membuat suatu Akta seperti Akta Inggeris tersebut tetapi kaedah baru Inggeris, iaitu Perintah 15 kaedah 6A dikuatkuasakan di negara ini pada tahun 1980 apabila sebahagian besar kaedah Inggeris, Rules of the Supreme Court 1965, diterima di Malaysia di bawah nama Rules of the High Court 1980.

Kesan Perintah 15 kaedah 16A adalah bahawa (a) jika mana-mana orang yang terhadapnya suatu alasan tindakan timbul telah meninggal dunia dan (b) alasan tindakan itu masih berterusan maka (c) tindakan plaintif, jika simati itu tidak ada wasi atau pentadbir, boleh dimulakan terhadap pusaka simati itu. Kaedah 6A(2) memperuntukkan bahawa proses permulaan yang berkenaan perlu dikeluarkan di atas nama "wakil pusaka A.B. simati". "A.B" di sini merujuk kepada nama simati. Dalam tempoh yang ditetapkan untuk menyampaikan proses<sup>76</sup> plaintif perlu memohon kepada mahkamah untuk melantik seorang bagi tujuan penyampaian proses itu. Sebelum membuat apa-apa keputusan mengenai permohonan itu mahkamah boleh meminta plaintif memberi notis berkenaan permohonan itu kepada mana-mana syarikat insurans (jika ada) atau sesiapa (jika ada), yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam hal itu. Ini adalah kerana tujuan utama kaedah 6A diadakan ialah untuk mengelakkan kelewatan dalam tuntutan berkaitan dengan kemalangan jalanraya. Biasanya apabila penanggung insurans seorang pelaku tort yang meninggal dunia diberitahu mengenai permohonan plaintif pihak insurans itu akan mengambil alih semua urusan bagi pihak simati itu.

Kadangkala plaintif akan mengalami kesukaran untuk mendapat seorang wakil bagi tujuan penyampaian proses itu. Jika demikian, mahkamah akan melantik Pegawai Pentadbir Pusaka untuk mewakili pusaka yang berkenaan.<sup>77</sup> Kaedah tidak menerangkan samada persetujuan Pegawai Pentadbir Pusaka perlu atau tidak sebelum ia boleh dilantik bagi tujuan ini tetapi adalah nyata bahawa perlantikan beliau dihadkan kepada penerimaan penyampaian proses permulaan sahaja. Pegawai itu tidak boleh diarahkan mengambil langkah selanjutnya, seperti memasuki kehadiran, tanpa persetujuannya.<sup>78</sup>

<sup>76</sup>Biasanya dua belas bulan (Perintah 6 kaedah 7, Perintah 7 kaedah 4)

<sup>77</sup>Kaedah 6A(5A)

<sup>78</sup>*Ibid*

Jika perlantikan Pegawai Pentadbir Pusaka adalah dihadkan kepada penerimaan penyampaian proses permulaan sahaja maka plaintif tidak dibenar memasukkan penghakiman ingkar kehadiran terhadap pusaka yang berkenaan jika Pegawai itu tidak menyerahkan kehadirannya. Dalam kes *In re Amirteymour, Decd*,<sup>79</sup> sebuah bank, Bank Melli Iran, ingin mendakwa seorang simati di England. Simati tidak mempunyai wasi atau pentadbir pusaka di England. Bank itu telah menggunakan peraturan di bawah Perintah 15 kaedah 6A dan Peguamcara Rasmi ("the Official Solicitor")<sup>80</sup> telah dilantik untuk mewakili pusaka simati. Peguamcara Rasmi tidak memfailkan kehadiran kepada writ Bank Melli dan bank tersebut telah memasukkan penghakiman ingkar kehadiran. Soalan yang dihadapkan ke Mahkamah Rayuan Inggeris ialah samada bank itu berhak memasukkan penghakiman itu. Mahkamah itu memutuskan bahawa penghakiman itu tidak sah dan harus diketepikan. Lord Diplock telah menerangkan bahawa setelah menerima penyampaian proses Peguamcara Rasmi telah menjadi *functus officio* dan tidak mewakili pusaka simati. Malahan sesudah itu pusaka itu dianggap sebagai tidak mempunyai apa-apa wakil dan oleh itu tidak ada sesiapa yang layak memasukkan kehadiran. Tindakan plaintif tidak boleh diteruskan sungguhpun tindakan itu masih hidup dan tidak boleh diketepikan.

Akhirnya rujukan perlu dibuat kepada kaedah 6A(3). Kaedah ini diwujudkan untuk membatalkan prinsip yang menyatakan bahawa suatu writ yang dikeluarkan terhadap seorang simati (dengan menamakan beliau sebagai defendan) adalah satu nulliti. Dalam kes *Dawson (Bradford) Ltd & Others v Dove and Anor*<sup>81</sup> plaintif telah mengeluarkan writ terhadap seorang yang bernama Dawson pada 17.12.1968. Plaintif tidak mengetahui bahawa (a) Dawson telah meninggal dunia pada 28.7.1967 dan (b) wasi Dawson telah mengeluarkan probetnya pada 4.10.1967. Soalan yang dihadapkan kepada Hakim MacKenna ialah samada plaintif, pada tahun 1969, boleh meminda writnya dengan menggantikan nama simati dengan nama wasi simati.<sup>82</sup> Hakim MacKenna telah menolak

<sup>79</sup>[1979] 1 W.L.R. 63

<sup>80</sup>Tidak ada jawatan Pegawai Pentadbir Pusaka di England dan Peguamcara Rasmi Inggeris menjalankan tugasnya di bawah kaedah Inggeris tersebut.

<sup>81</sup>[1971] 1 Q.B 330

<sup>82</sup>Plaintif tidak dapat memfailkan writ baharu terhadap wasi Dawson kerana tempoh batasan telah tamat.

permohonan itu dengan alasan bahawa jika suatu writ dikeluarkan di atas nama seorang simati, writ tersebut tidak boleh dipinda dengan menggantikan nama simati dengan wasinya.<sup>83</sup> Kaedah 6A(3) membatalkan kesan keputusan ini dengan menyatakan bahawa satu tindakan yang dimulakan terhadap seorang simati akan dianggap sebagai telah dimulakan mengikut kaedah 6A(1) Ini bermaksud jika satu alasan tindakan tidak luput dengan kematian defendan dan writ plaintif dikeluarkan di atas nama simati sebelum tamat tempoh batasan maka plaintif boleh mengambil langkah-langkah yang ditetapkan di bawah kaedah 6A(4) untuk melantik seorang (misalnya Pegawai Pentadbir Pusaka) untuk mewakili pusaka simati. Di sini perlulah ditegaskan bahawa kaedah 6A tidak melibatkan tindakan mahkamah yang dimulakan di atas nama seorang simati sebagai plaintif. Jika pada masa writ dikeluarkan plaintif sudahpun meninggal dunia, maka writ itu adalah suatu nulliti dan tidak wujud kuasa di bawah Perintah 15 kaedah 16A atau dibawah Perintah 20 kaedah 5 untuk menggantikan nama simati dengan nama wasi atau pentadbirnya.<sup>84</sup> Juga kaedah 6A(3) tidak boleh digunakan dalam kes ini untuk melantik seorang untuk mewakili pesaka simati.

#### 10. Penutup

Dalam rencana ini satu percubaan telah dibuat untuk membincangkan beberapa peruntukan mengenai permulaan tindakan oleh wakil pusaka dan terhadap mercka. Adalah nyata bahawa tajuk ini dikuasai oleh peruntukan teknikal yang kadangkala boleh membangkitkan kesusahan yang amat berat kepada peguam dan anak guamannya. Kes *Austin v Hart*<sup>85</sup> adalah satu contoh yang baik yang menunjukkan bahawa hakim-hakim sedar mengenai masalah ini dan sedia meringankan beban yang dihadapi oleh litigan

<sup>83</sup>Hakim itu telah mengikut keputusan dalam *Clay v Oxford* (1866) L.R. Exch. 54 dan *Tetlow v Orel Ltd* [1920] 2 Ch. 24

<sup>84</sup>Rujuk kepada *Clay v Oxford* dan *Tetlow v Orel Ltd* (*ibid*). Kes *Clay* telah memutuskan bahawa jika satu tindakan dimulakan di atas nama seorang simati mahkamah tidak ada kuasa di bawah Common Law Procedure Act 1852 untuk menggantikan nama simati dengan nama wasi atau pentadbirnya. Dalam kes *Tetlow*, Hakim Russell telah memutuskan bahawa beliau tidak mempunyai kuasa yang sama di bawah Rules of the Supreme Court 1883 yang berkuatkuasa pada masa keputusan itu.

<sup>85</sup>[1983] 2 All E.R. 341. *Supra* m.s. 234-235

dalam bahagian undang-undang ini. Adalah diharapkan bahawa sikap ini akan berterusan dan pendakwaan oleh suatu pusaka dan terhadapnya akan dijadikan lebih mudah bagi litigan. Baru-baru ini Perintah 15 kaedah 16A<sup>86</sup> telah mencuba menolong seorang plaintif yang ingin mendakwa satu pusaka yang tidak ada wakil. Akan tetapi kaedah itu tidak begitu berkesan dan ada batasannya. Walaupun begitu ia sangat berguna untuk memberhentikan pengiraan tempoh batasan.

Prinsip yang biasanya membangkitkan kesulitan ialah prinsip bahawa suatu tindakan yang dimulakan oleh seorang pentadbir pusaka sebelum ia memperolehi geran adalah satu nulliti. Pada masa ini tindakan itu tidak boleh diselamatkan sungguhpun dia memperolehi gerannya dalam suatu tempoh yang singkat sesudah permulaannya. Jika tempoh batasan sudahpun tamat pada masa pentadbir itu memperolehi gerannya, ia dihalang dari tindakan memfailkan satu tuntutan baru. Ini nyata dari kes *Inggal v Moran*.<sup>87</sup> Kes *Inggal* adalah satu keputusan yang sedih dan hakim-hakim telah berap kali menunjukkan kesal mereka terhadap prinsip itu.<sup>88</sup> Adalah diharapkan bahawa mahkamah akan mencari satu jalan untuk menyetepikannya. Satu cara adalah untuk membangkitkan "doktrin kait-balik" kepada kes-kes seperti ini.<sup>89</sup> Cara lain ialah untuk menggantungkan tindakan bakal pentadbir itu sehingga ia memperolehi gerannya. Tidak mungkin reformasi seperti ini akan membangkitkan kesusahan kepada defendan. Sehingga ini mahkamah Malaysia telah menunjukkan sokongannya<sup>90</sup> kepada kes *Inggal* dan nampaknya, adalah amat sukar untuk mengeneipkan prinsip dalam kes itu tanpa perundangan tertentu.

Akhirnya adalah dicadangkan bahawa seksyen 8(3) Civil Law Act 1956, iaitu satu peruntukan Inggeris yang usang, dimansuhkan dengan secepat mungkin. Sungguhpun seksyen itu digubalkan

<sup>86</sup>*Supra*, m.s. 245

<sup>87</sup>[1944] 1 K.B. 160. *Supra* m.s. 233-234

<sup>88</sup>Hakim Luxmoore dalam kes *Inggal* [1944] 1 K.B. 160, 169; Lord Greene dalam kes *Hilton v Sutton Steam Laundry* [1946] K.B. 65, 73; Hakim Singleton dalam kes *Finnegan v Cementation Co Ltd* [1953] 1 Q.B. 688, 699

<sup>89</sup>Sebenarnya doktrin ini ditolak dalam kes *Inggal*. *Supra* m.s. 238

<sup>90</sup>*Govindasamy Pillay & Sons Ltd v Lok Seng Chai* (1961) 27 M.L.J. 89, 91; *Comptroller of Income Tax v Yan Tain Min* [1965] 1 M.L.J. 255, 256; *Ang Mooi Yin v Sim Sie Han* [1969] 2 M.L.J. 3, 4; *Mohamed Hanif & Anor v Chin Ah Bah* [1974] 1 M.L.J. 128. Tambahan pula mahkamah Malaysia terikat kepada kes *Inggal* kerana seksyen 3, Civil Law Act.

untuk membantu wasi dan pentadbir pusaka, pada hakikatnya ia boleh mengecewakan tuntutan yang adil dan benar. Kadangkala yang mendapat faedah dari seksyen 8(3) ialah sebuah syarikat insurans yang dilepaskan dari tanggungannya. Ini adalah kerana jika simati yang diinsuranskan oleh sebuah syarikat insurans tidak boleh didakwa oleh mangsa tort akibat seksyen 8(3), syarikat insurans dilepaskan dari tanggungannya untuk membayar pampasan kepada mangsa tort itu.<sup>91</sup> Juga seksyen 8(3) boleh membangkitkan kesan-kesan yang luar biasa. Umpamanya suatu tuntutan dalam tort terhadap seorang simati yang telah tamat tempoh batasan biasanya beberapa tahun sebelum ia meninggal dunia boleh hidup semula, mekar dan segar, untuk suatu tempoh baru selama enam bulan jika wakil pusakanya mengeluarkan geran untuk mentadbir pusaka itu.<sup>92</sup>

P. Balan\*

\* Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya

<sup>91</sup>Sila rujuk kepada rencana penulis ini bertajuk "*Hak Pihak Ketiga Dalam Undang-Undang Insurans Motor*" yang akan diterbitkan dalam buku, "*Esei-Esei Menghormati Tan Sri Profesor Ahmad Ibrahim*" (Dewan Bahasa dan Pustaka)

<sup>92</sup>Hakim Diplock berpendapat sedemikian dalam kes *Airey v Airey* [1958] 1 W.L.R. 729, 734. *Supra* m.s. 229

